

**SEJARAH PERJUANGAN WANITA MELAYU  
PADA TAHUN 1946-1963 DI TANAH MELAYU**



**JOZLYN JESSEI ANAK JOSEH**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2022**

**SEJARAH PERJUANGAN WANITA MELAYU  
PADA TAHUN 1946-1963 DI TANAH MELAYU**

**JOZLYN JESSEI ANAK JOSEH**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA  
MUDA (SEJARAH)**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2022**

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 OGOS 2022



---

JOZLYN JESSEI ANAK JOSEH

BA19110669



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **JOZLYN JESSEI ANAK JOSEH**  
NO. MATRIKS : **BA19110669**  
TAJUK : **SEJARAH PERJUANGAN WANITA MELAYU PADA TAHUN  
1946-1963 DI TANAH MELAYU**  
IJAZAH : **SARJANA MUDA**  
BIDANG : **SEJARAH**

1. **PENYELIA**

Dr. Zainuddin Baco



**DIPERAKUI OLEH**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Zainuddin Baco', is written over the 'UMS' logo.

## PENGHARGAAN

Setelah beberapa lama bertungkus lumus akhirnya sebuah penulisan kajian mengenai sejarah perjuangan wanita melayu pada tahun 1946-1963 di Tanah Melayu berjaya disiapkan oleh pengkaji. Penulisan mengenai sejarah tokoh wanita melayu adalah merupakan kajian yang tidak mudah disiapkan dengan mudah oleh pengkaji kerana dalam usaha menyiapkannya memang tidak dinafikan pengkaji berhadapan dengan pelbagai kekangan tertentu. Namun, kesemua permasalahan tersebut dapat ditangani atas bimbingan bantuan dan kerjasama pelbagai pihak yang sudi menghuluran bantuan baik dari segi dorongan berbentuk nasihat dan memberi inisiatif dalam mendapatkan bahan-bahan rujukan.

Serangkap penghargaan tersebut pengkaji zahirkan kepada penyelia iaitu Dr. Zainuddin Bin Baco kerana telah sudi memperuntukkan sedikit waktu dalam memberikan bimbingan dan idea yang bernas, menyediakan panduan, serta sanggup berkongsi ilmu dalam memperuntukkan waktu mengadakan bengkel teknikal bersama pelajar seliaannya. Sekurang-kurangnya ilmu perkongsian yang diberikan adalah amat berguna untuk pengkaji di masa hadapan.

Justeru, pengkaji juga tidak lupa dalam merakamkan penghargaan kepada ahli keluarga terutama kepada ayah, ibu, dan adik beradik yang telah membantu pengkaji dari segi mendapatkan dukungan moral. Dengan kesempatan yang ada juga turut tidak dilupakan kepada rakan-rakan seperjuangan yang masing-masing saling berhempas pulas menyiapkan kajian tidak juga dinafikan sudi membantu pengkaji dan menjadi sumber pembakar semangat kepada pengkaji untuk lebih yakin menyiapkan kajian ini.

Akhir kata, pengkaji berharap agar keringat pengkaji dalam menyiapkan kajian ini mampu memberi sumbangan untuk penulisan akan datang serta mampu menyuntik kesedaran ke atas generasi muda mengenai perjuangan tokoh wanita melayu di Tanah Melayu kerana sesungguhnya wanita melayu juga adalah merupakan watan kepada Tanah Melayu yang tidak harus dipinggirkan perjuangannya oleh pihak tertentu.

JOZLYN JESSEI ANAK JOSEH

## ABSTRAK

Dalam pengisian ini, perjuangan yang diberikan tumpuan utama adalah untuk menyelusuri sejarah perjuangan wanita melayu pada tahun 1946-1963 di Tanah Melayu. Keberadaan wanita sering kali diistilahkan lemah dan tidak terdaya. Namun, apabila penentangan Malayan Union berlaku telah ada menyaksikan penglibatan mereka yang kebanyakannya berpendidikan dan pernah terdedah dengan kesedaran nasionalisme. Sehubungan itu, pendekatan kaedah penyelidikan yang menggunakan sumber primer dan sekunder telah membantu pengkaji merungkai beberapa persoalan mengenai kajian ini. Antaranya adalah untuk mengetahui mengapakah dalam kalangan wanita terus memilih dan bertahan dengan gerakan yang selama ini mempunyai ideologi kiri dan kanan. Seterusnya, hendak juga meneliti apakah faktor yang paling dominan merangsang wanita melayu menuntut perjuangan tanah air dan memartabatkan kedudukan mereka sebagai wanita. Justeru, aspek yang melibatkan sumbangan juga turut disentuh dalam kajian ini.

Setelah diteliti, tidak dinafikan bahawa perjuangan yang dipilih oleh wanita melayu dalam sesuatu gerakan adalah berdasarkan keserasian matlamat dalam parti yang mempunyai kehendak yang sama dengan perjuangan mereka. Oleh sebab itu, tidak hairanlah mengapa selama ini dalam gerakan kanan dan kiri masing-masing mempunyai sayap wanita. Sudah pasti kesedaran untuk berjuang dan hasrat memajukan wanita adalah paling kuat dipengaruhi oleh faktor pendidikan apabila dikaji bahawa pendidikan berupaya menyuntik kesedaran untuk berubah. Dengan adanya kesedaran tersebut maka ia mudah untuk merangsang tokoh-tokoh pejuang wanita melayu menyumbang usaha mereka dalam politik, sosial dan ketenteraan di mana yang dominannya sumbangan mereka terserlah dalam bidang politik apabila agenda nasionalisme sejak selepas perang dunia kedua adalah lebih ditekankan terutama sejak kedatangan British yang kemudiannya telah memperkenalkan Malayan Union.

**Kata kunci:** Wanita melayu di Tanah Melayu, Perjuangan, British

## ABSTRACT

*In this content, the struggle that is given the main focus is to trace the history of Malay women's struggle in the years 1946-1963 in Malaya. The existence of women is often termed weak and helpless. However, when the opposition to the Malayan Union took place, there was witnessing the involvement of those who were mostly educated and had been exposed to the consciousness of nationalism. Accordingly, the approach of research methods that use primary and secondary sources has helped the researcher unravel some questions about this study. Among them is to find out why women continue to choose and persist with movements that have had left and right ideologies. Next, we also want to examine what is the most dominant factor that stimulates Malay women to demand the fight for their homeland and dignify their position as women. Therefore, aspects involving donations are also touched upon in this study.*

*After research, there is no denying that the struggle chosen by Malay women in a movement is based on the compatibility of goals in a party that has the same will as their struggle. Therefore, it is not surprising why all this time in the right and left movements each has a female wing. It is certain that the awareness to fight and the desire to advance women is most strongly influenced by the education factor when it is studied that education is capable of injecting awareness to change. With this awareness, it is easy to stimulate Malay women fighters to contribute their efforts in politics, social and military where the dominant contribution is evident in the political field when the agenda of nationalism since the second world war is more emphasized especially since the arrival of the British who later introduced the Malayan Union.*

**Keywords:** *Malay women in Malaya, Struggle, British*

# ISI KANDUNGAN

	<b>HALAMAN</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>III</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>IV</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>V</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>VI</b>
<b><i>ABSTRACT</i></b>	<b>VII</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>VIII</b>
<b>SINGKATAN KATA</b>	<b>XI</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 PENGENALAN	1
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN	4
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	5
1.4 SOROTAN LITERATUR	6
1.4.1 Sorotan kajian penulisan perjuangan Wanita Melayu	6
1.4.2 Sorotan tentang faktor perjuangan penglibatan Wanita Melayu	11
1.4.3 Sorotan kajian mengenai sumbangan Wanita Melayu	14
1.5 SKOP KAJIAN	16
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	17
1.7 KAEDAH KAJIAN	19
1.8 PEMBAHAGIAN BAB KAJIAN	19
1.9 KESIMPULAN	21



## **BAB 2 LATAR BELAKANG SEJARAH WANITA MELAYU DARI DUA GERAKAN 23**

2.1	PENGENALAN	23
2.2	KONSEP WANITA	24
2.3	PEMBENTUKAN UMNO SEBAGAI GERAKAN KANAN	30
2.4	SEJARAH LATAR BELAKANG WANITA GERAKAN KANAN	35
2.4.1	Aishah Ghani	35
2.4.2	Khatijah Sidek	40
2.5	PEMBENTUKAN PKM SEBAGAI GERAKAN KIRI	47
2.6	SEJARAH PERJUANGAN WANITA KIRI	52
2.6.1	Suriani Abdullah	52
2.6.2	Shamsiah Fakeh	57
2.7	KESIMPULAN	62

## **BAB 3 FAKTOR PERJUANGAN WANITA MENENTANG PENJAJAH DAN MENEGAKKAN KEADILAN WANITA 64**

3.1	PENGENALAN	64
3.2	AGAMA	65
3.3	PENDIDIKAN	73
3.4	EMANSIPASI	82
3.5	NASIONALISME	73
3.6	KESIMPULAN	98

## **BAB 4 SUMBANGAN WANITA MELAYU PADA TAHUN 1946-1963 100**

4.1	PENGENALAN	100
-----	------------	-----

4.2	POLITIK	101
4.3	SOSIAL	112
4.4	KETENTERAAN	121
4.5	KESIMPULAN	128
<b>BAB 5 RUMUSAN</b>		<b>129</b>
5.1	PENGENALAN	129
5.2	SEJARAH PERJUANGAN WANITA MELAYU DARI DUA GERAKAN	129
5.3	PENGARUH MENCETUSKAN SEMANGAT PERJUANGAN DAN Keadilan WANITA	131
5.4	WANITA MELAYU DALAM POLITIK, SOSIAL DAN KETENTERAAN	134
5.5	KESIMPULAN	138
<b>SENARAI RUJUKAN</b>		<b>139</b>



## SINGKATAN KATA

AWAS	Angkatan Wanita Sedar
API	Angkatan Pemuda Insaf
BMA	<i>British Military Administration</i>
HM	Hizbul Muslimin
INSAF	Angkatan Pemuda Insaf
JKM	Jabatan Kerja Melayu
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KMT	Kuomintang
NNMU	Majlis Mesyuarat Malayan Union
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PERMAS	Persatuan Melayu Semenanjung
PETA	Pembela Tanah Air
PKC	Parti Komunis China
PKI	Pergerakan Kaum Ibu UMNO
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Malaya
PKN	Parti Komunis Nanyang
PNP	Progressive Nationalist Party
TNPNM	Pembebasan Nasional Malaya
UMNO	<i>United Malays Nation Organization</i>

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Perjuangan dalam membebaskan negara daripada belenggu penjajah merupakan suatu bentuk pengorbanan yang tidak terhingga dilakukan oleh pejuang-pejuang yang terdahulu terutama sekali dalam menyingkap perjuangan wanita melayu dari Tanah Melayu. Setelah melalui peredaran dari tempoh masa, Tanah Melayu telah mengalami sebuah perkembangan politik yang rancak dan yang pastinya telah disemarakkan lagi dengan kesedaran nasionalisme pada awal abad yang ke-20. Kajian ini sebenarnya adalah berhasrat untuk mengkaji sebuah sejarah perjuangan yang lebih memberikan fokus utamanya kepada wanita melayu di sepanjang tahun 1946 sehinggalah ke tahun 1963. Pada masa itu telah adanya pembinaan kesatuan parti yang bercorak nasionalisme yang bukan sahaja membuka penglibatan kaum lelaki malah, ianya juga merangkumi penyertaan kaum wanita sebagai cara untuk menunjukkan penentangan secara menyeluruh masyarakat tempatan di Tanah Melayu terhadap Malayan Union yang telah dirancarkan oleh pentadbiran British semasa berada di dalam pasca Perang Dunia yang kedua.

Kecekalan yang membawa usaha ke arah ini adalah disebabkan oleh kerajaan British yang telah bertindak mengongkong rakyat tempatan di Tanah Melayu dari segala hal yang ada bersangkutan dengan politik, sosial dan ekonomi. Penentangan terhadap Malayan Union telah menyaksikan gelombang penglibatan wanita terlibat dengan aktif di dalam dunia politik. Ia telah menyaksikan penglibatan mereka sebagai pejuang menerusi beberapa pembentukan gerakan parti politik yang ada. Misalnya, pembabitan mereka pernah dilihat di dalam gerakan Pergerakan Kaum Ibu UMNO (PKI) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) yang ditubuhkan khas bagi golongan wanita melayu. Di samping itu, pada masa yang sama gerakan ini berjalan seiring dengan beberapa

gerakan sayap parti lain seperti gerakan Angkatan Pemuda Sedar (API), Pembela Tanah Air (PETA) yang pastinya terdiri daripada kalangan aktivis dan nasionalis lelaki melayu yang turut juga mempunyai matlamat perjuangan yang sama iaitu menuntut kemerdekaan tanah air dan anti-kolonial.

Selain itu, kemuncak penglibatan wanita di Tanah Melayu ini juga boleh dikatakan adalah selari dengan elemen feminisme<sup>1</sup> iaitu sebuah tuntutan yang diperjuangkan oleh wanita agar dapat menyesuaikan kondisi wanita dengan tuntutan semasa pada sesebuah zaman. Timbulnya bait-bait perjuangan yang pernah digerakkan oleh aktivis di Tanah Melayu untuk mendapatkan hak kerakyatan telah membawa kesedaran yang baharu kepada golongan wanita mengenai peranan mereka yang sewajarnya pantas untuk mendapatkan pengadilan daripada masyarakat yang selama ini seolah-olah memandang sepele tentang wanita. Oleh hal yang demikian, perdebatan membicarakan soal emansipasi wanita dari segenap sudut menjadi kesedaran yang harus disuarakan oleh pelbagai pihak terutamanya dalam kalangan wanita itu sendiri agar mampu membela nasib wanita yang jauh mengalami kemunduran dari segenap aspek yang telah diskriminasikan oleh pihak tertentu sehinggakan perkembangan mereka terhad di dalam komponen yang dikhususkan kepada mereka.

Misalnya, di dalam konteks Tanah Melayu telah memperlihatkan kesukaran wanita dalam mendapatkan pendidikan. Kesukaran ini memang bertitik tolak daripada fahaman tradisi yang kolot dan fahaman masyarakat yang masih cetek pengetahuannya dalam memberikan peluang dan ruang bagi membuka keterbatasan wanita di dalam pelbagai bidang yang ada. Disebabkan pendidikan adalah komponen terpenting dalam aspek sosial maka, ianya pernah menjadi saluran utama yang dipentingkan. Malah, pada masa yang sama tingkat kesedaran yang tinggi dalam kalangan pemimpin wanita adalah dimulai dengan tampuk kepimpinan daripada tokoh wanita yang berpelajaran seperti Ibu Zain, Fatimah Hassim, Sakinah Junid, Aishah Ghani, Shamsiah Fakeh dan beberapa pemimpin wanita melayu yang lain. Tokoh-tokoh wanita melayu seperti mereka ini telah

---

<sup>1</sup> Ni Komang Arie Suwastini, Perkembangan Feminisme Barat dari Abad kedelapan belas hingga Postfeminisme: Sebuah Tinjauan Teorites, *Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora*, Vol.2(1), 2013, hlm.

menyedari dilema wanita melayu yang terhimpit dengan kekolotan tradisi, fahaman agama dan terkandas dalam memajukan diri dari menceburi pendidikan<sup>2</sup>. Justeru, isu yang mengusul tentang penyertaan kelompok wanita menyertai sesebuah organisasi politik turut ditimbulkan. Senario ini acap kali diperdebatkan dan menjadi pertikaian wanita kerana penyertaan wanita masih kurang akibat daripada sistem patriaki. Penekanan kuat sistem berkenaan menyebabkan wanita was-was akan kewibaaan diri sendiri sama ada boleh atau tidak melahirkan sosok kepimpinan dalam diri.

Tuntutan ini sangat membantu mengalakkan perkembangan wanita kerana ini merupakan salah satu peluang yang boleh menampakkan ruang kebebasan bagi mengadili dilema wanita melayu yang terabai dan tersisih daripada pandangan masyarakat setempat. Justeru, memang juga tidak dinafikan bahawa perjuangan mendaulatkan wanita ini merupakan antara sebahagian agenda perjuangan yang lahir akibat nasionalisme yang seterusnya menjadi petanda ke atas latar awal terhadap tercetusnya kebangkitan politik wanita melayu itu sendiri dalam menggambarkan kesedarannya untuk beradaptasi dengan keadaan semasa yang banyak didedahkan dengan unsur kemunduran. Kesedaran inilah yang dikatakan membentuk unsur *personal self-realization*<sup>3</sup> dalam diri wanita. Maka, gerakan wanita pada masa itu bergerak dengan berpayungkan kepada konsep kebebasan<sup>4</sup> yang memayungi agenda emansipasi wanita dan kemerdekaan tanah air sebagai cara di dalam membebaskan diri daripada mendapatkan penindasan patriarki dan penjajahan kolonialisme secara berkekalan.

---

<sup>2</sup> Asiah Abu Samah "Emancipation of Malay Women 1945-1953", Latihan Ilmiah, Ijazah Sarjana Muda, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2016 dlm Zaireeni Azmi & Noor Eshah Tom Abdul Wahab, Penglibatan Wanita Melayu dalam Politik Kepartian: Satu Sorotan Awal, *Pembentangan kertas kerja Skim-XI: Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia*, Bandung, Indonesia, 10-12 November, 2009, hlm. 3

<sup>3</sup> Istilah mendukung maksud sama dengan emansipasi wanita. Ruhana Padzil, Perjuangan Wanita dalam Aktivisme sosial dan Nasionalisme di Tanah Melayu, 1929-1957 *Tesis Doktor Falsafah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2017, hlm. 3

<sup>4</sup> Muhammad Rahimi Hassan, Emansipasi dan Nasionalisme dalam Politik Wanita Melayu Pra Merdeka: Sorotan Memoir Khatijah Sidek, Aishah Ghani dan Shamsiah Fakeh, *International Journal of The Malay World and Civilization*, Vol. 8 (1), 2020, hlm. 26

Pendek kata wanita melayu pada masa itu mempunyai misi dua dalam satu iaitu berjuang bersama untuk menuntut kemerdekaan tanah air dan pada masa yang sama berjuang untuk mendapatkan kesaksamaan gender bagi kaum wanita terutamanya dalam konteks wanita di Tanah Melayu dalam tempoh masa 1946 sehingga ke tahun 1963.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Di dalam Malaysia, penulisan mengenai ketokohan yang membabitkan wanita melayu sudah ada diketengahkan oleh beberapa sejarawan sebelum ini. Tetapi di dalam perkara ini, pengkaji cuba hendak mengukuhkan lagi sejarah perjuangan wanita melayu pada tahun 1946 sehingga ke tahun 1963 yakni seboleh-bolehnya mengambil kira perbincangan yang ada mengupas tentang aliran ideologi yang diambil oleh beberapa buah parti dengan mengaitkannya dengan beberapa sejarah perjuangan wanita yang ada. Oleh itu, kajian ini hendak dibuat bagi melihat sejauhmanakah hubungkait golongan wanita melayu memilih dan bertahan di dalam parti yang sudah pastinya dicorakkan dengan sampaian ideologi yang berbeza bagi menyampaikan pegangannya kepada bangsa dan juga negara.

Sehubungan itu, perjuangan yang membawa kepada penyertaan kaum wanita di dalam sesebuah parti juga harus dinilai dan dikaji. Hal ini bertujuan bagi melihat apakah sebenarnya pemangkin utama yang telah memberangsangkan penglibatan mereka ke dalam sesebuah parti yang pada awalnya disemat dengan pengaruh kesedaran yang tinggi di dalam memperjuangkan hak wanita sehinggakan pada satu tahap tuntutan ke arah matlamat ini telah memperkembangkan penglibatan wanita ke arah yang lebih ekstrem lagi iaitu ada dalam kalangan mereka berani mengangkat senjata demi mempertahankan negara. Adakah perkembangan perjuangan wanita ini dipengaruhi oleh kerancakan ideologi di dalam sesebuah parti yang disertai? Maka, menerusi kajian ini kupasan mengenai persoalan ini akan dibuat untuk melihat sejauh manakah faktor tersebut dianggap sebagai faktor mutlak yang dianggap paling utama mencetuskan

perjuangan wanita melayu di dalam menentang penjajah dan serentak dengan itu memainkan peranannya memartabatkan kedudukan wanita.

Selanjutnya, penulisan di dalam mengetengahkan sejarah perjuangan wanita melayu kebanyakannya adalah lebih memberikan penumpuan kepada menjelaskan sumbangan mereka di dalam aspek politik kerana bidang tersebut merupakan aspek utama yang membawa perkembangan mereka dalam menjalani kehidupan sebagai aktivis sosialis sejak awal kebangkitan terhadap penentangan mencetuskan perjuangan membentuk kesatuan. Memang tidak dinafikan bahawa perkara ini memang benar apabila sumber sekunder yang diperoleh daripada sumber buku, jurnal dan tesis mengulang olah bahan-bahan dari sumber rasmi yang diperoleh daripada dokumen, fail kerajaan dan surat rasmi politik. Maka, dalam hal ini sekurang-kurangnya pengkaji hendak cuba untuk menggali adakah masih terdapat bentuk sumbangan lain yang telah dikesampingkan oleh para pengkaji selama ini tentang sumbangan wanita melayu di Tanah Melayu yang sudah pastinya pengkaji juga tidak akan mengesampingkan sumbangan politik wanita yang juga dianggap penting untuk diberikan pendedahan dengan lebih lanjut mengenai sumbangan tersebut.

### **1.3 Objektif Kajian**

Berdasarkan permasalahan kajian yang telah ditimbulkan sekurang-kurangnya terdapat tiga objektif kajian yang hendak pengkaji capai di dalam kajian yang mengait tentang perjuangan wanita melayu pada tahun 1946 sehingga ke tahun 1963 di Tanah Melayu.

Objektif kajian yang pertama adalah untuk merungkai sejarah latar belakang wanita melayu yang dipilih dari gerakan kanan dan kiri dengan seboleh-bolehnya menyelitkan keterlibatan dua tokoh wanita masing-masing daripada dua gerakan parti yang dipilih iaitu ketokohan Aishah Ghani dan Khatijah Sidek daripada gerakan nasionalis Kaum Ibu UMNO dan Suriani Abdullah bersama Shamsiah Fakeh daripada gerakan AWAS sebagai sayap parti kepada gerakan kiri PKM.

Selain itu, kajian ini juga turut mengkaji faktor-faktor yang mendorong perjuangan wanita melayu pada tahun 1946 sehingga ke tahun 1963 bagi melihat



kecenderungan faktor manakah yang akan menjadi faktor pemangkin yang mendominasi penggerak utama terhadap penglibatan wanita melayu dalam mewujudkan kesedaran berjuang untuk Negara dan pada masa yang sama bersuara untuk pembebasan wanita.

Di samping itu, kajian ini juga tidak ketinggalan dalam merombak perbincangan bagi mengenalpasti apakah bentuk-bentuk sumbangan perjuangan wanita melayu pada tahun 1946 sehingga ke tahun 1963 bagi menentukan sumbangan manakah yang paling lebih diserahkan oleh kaum wanita melayu yang mulai bergiat aktif di dalam menceburi diri di dalam ruang awam rentetan sejak dari penentangan kaum melayu secara menyeluruh terhadap Malayan Union pada masa itu.

#### **1.4 Sorotan Literatur**

Di dalam bahagian ini pengkaji akan lebih menyorot kajian yang ada menekankan tentang sejarah perjuangan wanita melayu dengan membahagikannya kepada tiga tema besar iaitu seperti yang berikut:

##### **1.4.1 Sorotan kajian penulisan perjuangan Wanita Melayu**

Beberapa kajian di Malaysia ada menyorot tentang sejarah penulisan kaum wanita sebelum ini. Misalnya, menyorot penulisan kajian daripada Rahimi Hassan yang ada menyentuh tentang perkembangan penulisan sejarah wanita sejak dari awal 1970-an. Di dalam kajiannya ini beliau mengatakan bahawa kajian yang dibuat mengenai pensejarahan wanita sangat mengalakkan dan semakin meningkat dalam kalangan ahli penyelidik tempatan mahupun luar. Hal ini kerana umumnya kajian mengenai wanita adalah tidak lari daripada mengungkap tentang perihalan wanita dengan norma masyarakat yang secara tidak langsung akan mengaitkannya dengan isu-isu yang berhubungan dengan seks, rasisme, dan pengkelasan strata sosial<sup>5</sup> iaitu sebuah perspektif secara menyeluruh tentang

---

<sup>5</sup> Ruhana Padzil, *Op. Cit.*, hlm. 12

dilema yang dirasakan oleh kalangan wanita. Keberadaan wanita yang berada dalam konteks inilah yang menjadikan pensejarahannya harus dikaji untuk dipersembahkan kepada masyarakat bagi mengetahui bagaimanakah liku-liku setiap wanita melalui keperitan hidup di dalam dunia yang dicipta oleh masyarakat kepada mereka sehinggakan persoalan sebegini akan menimbulkan pernyataan permasalahan kajian yang diminta untuk dikaji oleh kalangan penyelidik. Antaranya wujud persoalan seperti apakah cabaran dan usaha yang boleh diambil dan diatasi oleh kaum wanita selama ini sehinggakan pada hari ini wanita kebanyakan berkembang maju dan sama-sama menikmati hidup moden bersama dengan kaum lelaki. Disebabkan itulah perihalan mengenai sejarah wanita mempunyai sudut pandang yang sangat luas untuk diterokai secara mendalam. Maka, sebagaimana menurut Rahimi sekali lagi menjelaskan bahawa kajian mengenai sejarah wanita menarik minat sarjana dalam bidang seperti Sejarah, Sosiologi dan Sains Politik<sup>6</sup>. Tambahan itu, peningkatan penyelidikan mengenai sejarah wanita di Malaysia sejak dari awal dekad 1970an banyak ditulis apabila kemunculan wanita terlibat dalam dunia politik di Tanah Melayu antara tahun 1945 ke tahun 1957.

Selain itu, di dalam penulisan Zainab pula telah ada mencatatkan bilangan beberapa penulisan berkenaan dengan perjuangan wanita. Dalam penelitiannya mengatakan bahawa sepanjang tempoh 1970 sehingga ke tahun 2004 terdapat sebanyak 142 kajian yang telah dibuat oleh ahli sarjana mengenai wanita iaitu kajiannya adalah memberikan khusus terhadap pemerihalan wanita dalam aspek penulisan bibliografi dengan membahagikannya kepada dua kohort. Kohort yang pertama adalah dalam tempoh (1970-1989) iaitu sebanyak 40 kajian bibliografi telah dihasilkan pada masa tersebut. Manakala, kohort kedua adalah sebanyak 102 kajian bibliografi dan antara yang terbanyak yang pernah dihasilkan dalam

---

<sup>6</sup> Mohammad Rahimi Hassan, *Op.Cit.*, hlm. 18

kohort di sepanjang tahun (1990 -2004)<sup>7</sup>. Kupasan dalam kajiannya ini jelas memberikan gambaran bahawa dalam tempoh tahun berkenaan minat dalam mengkaji sejarah wanita sangat memberangsangkan berdasarkan kepada penghasilan karya ilmiah tentang sejarah wanita. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa imbalan terhadap penghasilan kuantitatif adalah tidak setara dengan kualitatifnya iaitu dari segi mempersembahkan penelitian dan penyelidikan yang mendalam tentang tema wanita secara lebih spesifik masih lagi kurang diberikan pendedahan secara khusus oleh sesetengah ahli sarjana<sup>8</sup>.

Sehubungan itu, oleh kerana penulisan sejarah wanita banyak yang sudah dikaji maka, data-data yang berkenaan dengannya dapat diperoleh melalui pelbagai sumber. Misalnya, sumber-sumber tersebut boleh diperolehi daripada surat khabar, jurnal, tesis, kertas kerja malah turut juga menampakkan usaha penghasilan sebuah memoir dalam kalangan tokoh-tokoh wanita di dalam Tanah Melayu. Penulisan sebuah memoir biasanya adalah berlandaskan kepada penceritaan mereka berdasarkan pengalaman yang pernah berlaku di dalam menempuh ranjau sesebuah kehidupan. Amnya seperti di dalam kajian yang pernah dibuat oleh Mahani Musa yang mengkaji tentang penglibatan wanita melayu di dalam aktivis politik telah menyifatkan bahawa penghasilan memoir adalah lebih bertaraf primer di dalam mempersembahkan data-datanya kerana penulisan memoir adalah daripada keringat penulisan sejarah yang diturunkan oleh tokohnya sendiri atau ia juga pada masa yang sama memerlukan kerjasama daripada penulis yang lain<sup>9</sup> bagi menghasilkannya. Mahani Musa dalam kajiannya telah menggunakan memoir sebagai rujukannya bagi memperlihatkan pengalaman terpilih yang akan memaparkan persoalan politik wanita melayu

---

<sup>7</sup> Zainab Awang Ngah, Growth and Pattern of Women's Studies in Malaysia as Reflected by Generated Literature *Dalam* Readings on Women and Development in Malaysia, Disunting oleh Jamilah Ariffin, Petaling Jaya: MPH Group Publishing, 2009, hlm.9

<sup>8</sup> *Ibid.*

<sup>9</sup> Mahani Mahani Musa (a), Official State Records, A Minefield for Studying Pre-1957 Malay Women, *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, Vol.26, 2008, hlm. 172

yang dikajinya. Dalam pada masa itu kajian daripada Shamsul juga bersependapat dengan Mahani Musa mengenai penghasilan memoir iaitu penulisan memoir merupakan satu bentuk paparan penting yang memaparkan sisi penting kehidupan perjalanan seseorang tokoh di dalam mengaitkan peristiwa sezamannya yang sangat luas. Pemahaman seseorang pengkaji dalam membuat kajian yang sama juga dapat dicernakan dengan idea pemikiran yang dilontarkan oleh tokoh-tokoh pejuang yang ada. Pada masa yang sama ia juga dapat membantu sedikit sebanyak menambahkan maklumat yang kurang di dalam kajian seseorang pengkaji. Walaubagaimanapun, harus berwasapada dalam memberikan penilaian dan mentafsir dapatan yang ada kerana kecederungan untuk bertindak bias adalah tinggi disebabkan pemikiran mereka cenderung berubah menyebabkan sesuatu peristiwa tidak lagi seperti yang seadanya<sup>10</sup>.

Seterusnya, beberapa kajian mengenai pergerakan parti dengan membabitkan wanita di dalam gerakan parti juga pernah dibuat oleh sarjana sebelum ini. Misalnya baru-baru ini iaitu pada tahun 2020 melalui kajian daripada Ho Hui Ling mengenai kajiannya yang cuba mengupas perihalan sejarah tentang seorang wanita Cina iaitu Lee Ming yang bergiat aktif di dalam pergerakan komunis di Tanah Melayu sedikit sebanyak sejarahnya telah ada menyorot gerakan parti dan pembabitan wanita di dalam gerakan kiri iaitu di bawah PKM. Kajian beliau ada menjelaskan bahawa penglibatan wanita mula terserlah apabila kepentingan sistem komunikasi PKM semakin memerlukan peranan wanita sebagai kurier kerana penglibatan mereka di dalam menjalankan tugas ini tidak akan mudah dikesan oleh pihak pasukan keselamatan berbanding lelaki terutamanya semasa di dalam zaman darurat<sup>11</sup>. Perkembangan ini telah

---

<sup>10</sup> Shamsul Amri Baharuddin, Adat Politik dan Politik Adat: Memerhati daripada Jendela Rais Yatim, *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 26, 2008, hlm. 274

<sup>11</sup> Pelaksanaan Darurat oleh pentadbiran British di Tanah Melayu pada 18 Jun 1948 berlaku akibat daripada beberapa tindakan ganas yang pernah dicituskan oleh pihak komunis yang akhirnya membawa ketidakstabilan pentadbiran sosioekonomi dan mengancam keselamatan Negara. Ho Hui Ling, Lee Ming: Wanita Komunis Yang Menggemparkan Dunia. *Kajian Malaysia*, Vol. 38(1), 2020, hlm. 146

memperkenalkan beberapa tokoh wanitanya yang sangat penting di dalam gerakan radikal ini terutamanya apabila terserlahnya penyertaan wanita melayu seperti Shamsiah Fakeh, Suriani Abdullah, Siti Norakiah Mahmud, Aminah Hj. Hassan dan Siti Nong Ishak yang pastinya mereka ini adalah wanita seangkatan dengan lelaki komunis di dalam menentang penjajahan British. Justeru itu, di dalam kajian sebuah tesis mengenai Kerjasama dan Konflik Antara Parti Komunis Malaya Dengan British di Tanah Melayu 1941-1948 oleh Ahmad Zaki telah ada menyatakan perjuangan dan penglibatan wanita melayu di dalam PKM. Walaupun kajiannya tidak mengarah kepada kajian sejarah perjuangan wanita secara keseluruhannya akan tetapi terdapat beberapa peranan wanita yang ada dikupas oleh Ahmad Zaki mengenai wanita semasa berada di dalam PKM. Antaranya, adalah seperti penglibatan bersama wanita dengan kaum lelaki di dalam menentang Jepun iaitu satu usul yang pernah menjadi desakan di dalam Persatuan Wanita Selangor. Pada masa yang sama wanita juga diansak untuk turut ada memainkan peranan membantu *British Military Administration* (BMA) melaksanakan pentadbiran negara<sup>12</sup>.

Selanjutnya di dalam gerakan kanan pula beberapa kupasan seperti kajian oleh Fatimi ada menyatakan kupasan mengenai penglibatan awal wanita yang menjadi tulang belakang kepada sayap gerakan kanan iaitu UMNO yang telah melahirkan Pergerakan Wanita UMNO. Kesedaran tentang pentingnya peranan wanita telah timbul setelah UMNO dibentuk pada tahun 1946 dan antara tokoh wanita yang lahir di dalam gerakan ini adalah seperti Putih Mariah, Ibu Zain, Ibu Khadijah Sidek dan Tan Sri Fatimah Hashim<sup>13</sup>. Justeru, yang pastinya kajian di dalam sorotan Fatimi adalah tidak terlalu memberikan fokus yang lebih terhadap perjuangan wanita melayu. Walaubagaimanapun, kajiannya ini

---

<sup>12</sup> Ahmad Zaki Bin Johari, Kerjasama dan Konflik Antara Parti Komunis Malaya Dengan British di Tanah Melayu 1941-1948. *Tesis Doktor Falsafah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2017, hlm. 117

<sup>13</sup> Fatimi Hanafi, Penglibatan Wanita Melayu Dalam Pilihan Raya di Malaysia 1999-2008, *Tesis Doktor Falsafah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2017, hlm. 146

sekurang-kurangnya ada serba sedikit telah memperjelaskan tentang perkembangan pencapaian wanita UMNO di dalam pilihan raya sejak dari zaman pro merdeka yang pastinya wanita melayu juga berkebolehan di dalam mentadbir negara. Kajian daripada Arba'iyah pula mendapati bahawa tujuan pembentukan Pergerakan Kaum Ibu UMNO pada 25 Ogos 1949 oleh tiga orang tokoh wanita iaitu Puan Sri Datin Puteh Mariah bt Ibrahim Rashid, Puan Zainab Abd. Rahman dan Puan Saleha Mohd. Ali adalah bukan sahaja dilihat hendak memajukan kaum wanita di dalam pelbagai bidang malah turut menyatupadukan rakyat tempatan yang berbangsa melayu di dalam menentang Malayan Union<sup>14</sup>.

#### **1.4.2 Sorotan tentang faktor perjuangan penglibatan Wanita Melayu**

Ada beberapa penulisan terdahulu yang pernah mengemukakan faktor perjuangan wanita. Antaranya di dalam penulisan Nurshamira M.R., Roslina A.B., Arbai'e Bin Sujud dan Rozita. M.N. (2020) menjelaskan bahawa perkembangan wanita di dalam menyertai kepartian berpolitik adalah disebabkan kedudukan wanita yang sangat dipandang rendah oleh masyarakat. Hal ini berlaku kerana struktur sosial yang telah meletakkan kedudukan wanita pada satu tahap yang sangat rendah telah membataskan wanita di dalam menceburi bidang tertentu. Justeru, kekolotan tradisi menganggap wanita adalah seperti konsep subordinat<sup>15</sup> wanita yang mana telah meletakkan ideologi wanita sebagai sebuah pergantungan kepada lelaki dan ianya telah meresapi budaya ke dalam pemikiran masyarakat menyebabkan taraf wanita dilihat rendah daripada lelaki. Maka, kesedaran yang tinggi terutamanya di dalam kalangan wanita yang terpelajar telah terdedah

---

<sup>14</sup> Arba'iyah Mohd Noor, Tan Sri Dr. Hajjah Aishah Ghani: Penggera Kemajuan Wanita UMNO, *Sarjana*, Vol. 25 (3), 2010, hlm. 129

<sup>15</sup> Binti Munah, Stratifikasi Sosial Dan Perjuangan Kelas Dalam Perspektif Sosiologi Pendidikan, *TA'ALLUM*, Vol. 3 (1), 2015, hlm. 29

dengan ajaran sekular dan agama bagi membawa perubahan kepada golongan wanita di dalam mencorakkan kedudukan yang sama duduk dengan kaum lelaki.

Selain itu, di dalam kajian Muhammad Rahimi Hassan (2020) telah mengatakan bahawa perjuangan wanita adalah didasarkan daripada pengalaman peribadi yang banyak bertindak mendiskriminasikan wanita daripada segala hal. Paling ketara yang banyak disingkap oleh Rahimi dalam kajiannya adalah mengenai kehidupan wanita yang dikaitkan dengan isu perkahwinan yang merundumkan lagi taraf wanita pada tahap yang sangat rendah. Dalam perkara ini, Rahimi ada merujuk kepada sorotannya di dalam memoir Aishah Ghani dan Shamsiah Fakeh di dalam memperjelaskan keadaan wanita mengenai isu tersebut. Antaranya di dalam memoir Aishah Ghani<sup>16</sup> yang telah disorotnya ada mengatakan bahawa wanita paling banyak menerima kesengsaraan hidup akibat daripada tindakan langsung yang berpunca daripada tekanan daripada ibu bapa mereka yang terlalu cepat menginginkan anak perempuan mereka berkahwin pada umur yang masih lagi muda atau boleh dikatakan masih lagi dalam lingkungan umur remaja. Manakala, menurut sorotan Shamsiah Fakeh<sup>17</sup> di dalam memoirnya sendiri pula turut ada memandangi isu tersebut sebagai pengalaman buruk kerana pada akhirnya wanita akan mengalami pelbagai jenis penderitaan dan tertekan kerana terpaksa menghadapi kenyataan tentang dilema hidup sebagai wanita malang yang harus berhadapan dengan dunia berpoligami, menerima ketidakadilan layanan suami dan akhirnya berujung kepada sebuah penceraian yang sudah pastinya sangat perit untuk diterima oleh seseorang wanita.

---

<sup>16</sup> Aishah Haji Abdul Ghani, *Aishah Ghani: Memoir Seorang Pejuang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992 dlm Rahimi Hasan, *Op.Cit.*, hlm. 23

<sup>17</sup> Shamsiah Fakeh, *Memoir Shamsiah Fakeh: Dari Awas ke Rejimen ke-10*, Petaling Jaya: Strategic Info and Research Development, 2007 *dalam Ibid.*, hlm. 24

Sehubungan itu menurut kepada Ruhana (2013) dalam kajiannya yang meninjau teori dan konsep perjuangan wanita dalam politik di Tanah Melayu telah ada membawa penjelasan mengenai usaha yang diperjuangkan oleh wanita. Kajiannya telah mendapati bahawa perjuangan wanita di Tanah Melayu berlaku adalah disebabkan oleh faktor pengalaman peribadi yang berdimensikan isu gender yang kebanyakannya sering menjadi perdebatan hangat dalam kalangan tokoh wanita. Disebabkan isu gender ini, ia telah meminggirkan kaum wanita kerana ia telah mempengaruhi budaya fikir masyarakat yang bercanggah pendapat mengenai kepentingan lelaki dan wanita. Kemudiannya penekanan sekali lagi telah diberikan oleh Ruhana (2017) menerusi kajiannya yang meneliti lebih tentang perjuangan wanita dalam aktivisme sosial dan nasionalisme di Tanah Melayu berkenaan dengan isu ini. Kajiannya ini telah menjelaskan kesan yang dibawa oleh ketidaksamaan gender ini telah mengakibatkan proses sosialisasi budaya terganggu kerana telah membentuk sesebuah perspektif yang kurang menyenangkan dalam budaya masyarakat mengenai wanita oleh kerana perspektif tersebut telah dikonstruksi bagi menentukan identiti dan peranan masing-masing. Maka, pemahaman itu telah menghadkan wanita dalam melibatkan diri dalam pelbagai aspek yang merangkumi politik, sosial dan termasuk juga ekonomi. Justeru, kajian hubungan gender di dalam melihat peranan wanita yang terlibat di dalam dua parti besar iaitu UMNO dan PAS ada membicarakan bahawa peluang yang telah diberikan kepada golongan wanita untuk menyumbang ke arah sesuatu bidang tidak dinafikan masih dianggap tidak penting seperti kaum lelaki oleh kerana kongkongan kepercayaan yang terlalu kuat telah merangka pemikiran seseorang yang menganggap bahawa lelaki adalah lebih *superior* daripada wanita<sup>18</sup>. Maka, dengan itu timbullah kesedaran untuk menyuarakan bantahan menentang hegemoni lelaki di dalam sesuatu bidang.

---

<sup>18</sup> Arba'iyah Mohd Noor, *Op. Cit.*, hlm. 134